



Wawancara SOFA PUTIH ITBM

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2013



Dari kiri; Abu Hassan, Dr Kamariah dan Dr Mawar pada Wawancara Sofa Putih ITBM di PWTC.

[FOTO MUHAMMAD ZHARIF IZHAM | BH]

Kemelut subjek Sastera

Oleh Latifah Arifin
latifah@mediaprima.com.my

Hala tuju sistem pendidikan negara yang tidak meletakkan sastera sebagai keutamaan dilihat antara punca pelajar dan mahasiswa yang mengambil bidang Kesusastraan Melayu di sekolah serta institusi pengajian tinggi (IPT) kurang menonjol dan terus diletakkan dalam kelas kedua.

Perkara ini sebutul suara dipersejuki panel Wawancara Sofa Putih ITBM: Pelajar Sastera, Masa Depan yang Optimis atau Pesimis? di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dasar Pendidikan Negara

Novelis terkenal, Abu Hassan Morad, berpegang kepada pendirian dasar pendidikan negara adalah faktor terpenting dalam menentukan hala tuju dan perkembangan Kesusastraan Melayu, tetapi malangnya sehingga kini tidak banyak usaha pengukuhan dilaksanakan.

“Sastera pada masa kini dianggap tidak lebih sebagai bahan bacaan, sedangkan ia merangkumi pelbagai bidang luas dan menyentuh aspek bahasa, budaya, bangsa dan perjuangan. Sekiranya dasar pendidikan negara tidak cukup kukuh, bagaimana untuk membantu perkembangan sastera?

“Saya tidak bersetuju dengan sistem pendidikan sedia ada yang menceraikan antara aliran sastera dan sains. Perpisahan ini menyebabkan sastera kelihatan sebagai aliran kelas kedua dengan pelajar yang mengambil aliran sains nampak lebih dominan,” katanya Wawancara anjuran Institut

Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) bersempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2013.

Bagaimanapun, Abu Hassan enggan menuding jari kepada kerajaan semata-mata kerana ada pelbagai agensi lain yang bertanggungjawab memartabatkan sastera, tidak melakukan kerja mereka sebaik mungkin.

“Apabila kerajaan memperkenalkan Komponen Sastera Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS), ia berita gembira untuk perkembangan sastera Melayu kerana setidak-tidaknya pelajar sekolah dapat mengenali dan menghayati karya sastera daripada subjek itu.

“Bagaimanapun, meletakkan had dan mengharap KOMSAS saja untuk menggalakkan penghayatan sastera anak muda masa kini tidak akan mampu mengembalikan martabat sastera yang pencapaiannya semakin menurun,” katanya pada sesi wawancara yang dipengerusikan personaliti televisyen, Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar.

Tambah baik kurikulum

Ketua Program Persuratan Melayu, Pusat Pengajaran Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mawar Shafei, sepakat dengan Abu Hassan berhubung perkara terbabit.

“Penambahanbaikan terhadap kurikulum sastera di sekolah dan universiti amat diperlukan, tetapi pada masa sama mahasiswa atau pelajar juga perlu meran-

» Tambah baik dasar pendidik, pelajar perlu ubah sikap

cang masa depan mereka. Saya mahu melihat mahasiswa hari ini lebih bersifat berterasas bidang.

“Tidak gentar memberikan ruang untuk bidang lain yang membantu melengkapkan keperluan sastera mereka. Pelajar sastera mungkin boleh mengambil kursus animasi atau terjemahan kerana ia menambah nilai kemahiran mereka.

“Produksi animasi yang menerbitkan sastera rakyat tentunya memerlukan seorang pakar sastera. Kemahiran terjemahan membolehkan lulusan sastera berkhidmat sebagai penyerjemah. Langkah ini menguntungkan mereka sendiri kerana meningkatkan nilai pasaran mereka,” katanya pada forum hampir sejam.

Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Kamariah Kamaruddin, pula menyifatkan tahap sastera pada masa ini berada dalam lingkungan sederhana.

“Kelemahan Dasar Pendidikan Negara yang tidak mewajibkan subjek Kesusastraan Melayu di sekolah menjadi hambatan kepada mahasiswa apabila melanjutkan pengajian di IPT. Falsafah pendidikan negara perlu meletakkan sastera di tempat sewajarnya.

“Apabila pelajar tidak didehdahkan dengan Kesusastraan Melayu daripada akar umbi dan hanya bergantung harap kepada KOMSAS saja, ia ternyata memberi kesulitan bukan saja kepada mahasiswa, tetapi pensyarah yang kecewa dengan kecetekan

pengetahuan mereka," katanya.

Katak bawah tempurung

Beliau berharap mahasiswa men-cabar diri mereka dan jangan pandang sastera sebagai mata pelajaran untuk syarat lulus, tetapi subur dan mengasah bakat mereka dalam penulisan, malahan berusaha mencipta nama sebagai penulis pada usia muda.

Pada bicara itu, panel turut diasak dengan soalan buku sastera dijual pada harga mahal berbanding novel popular sehingga menyebabkan mahasiswa kurang berminat membacanya dan keadaan itu merugikan sastera tanah air.

Dr Mawar ketika menjawab soalan berkenaan berkata, penerbit novel cinta sengaja memasarkan buku mereka pada harga serendah RM 19.90 senaskah bagi menarik perhatian generasi muda hingga mereka meletakkan seribu satu alasan untuk tidak membeli buku sastera.

"Ia bukan soal murah atau mahal, tetapi budaya generasi muda kita terutama mahasiswa yang memang sanggup berhabis wang untuk membeli novel cinta, tetapi karya sastera dan ilmiah langsung tidak dihargai, malahan ramai yang rela mendapatkan naskhah fotokopi.

"Karya sastera tinggi nilainya dan tentulah harganya lebih mahal berbanding novel popular. Nilai ilmu yang terkandung di dalamnya menyebabkan ia mahal. Pemikiran negatif mahasiswa berhubung buku sastera perlu diubah," katanya.



"Sastera pada masa kini dianggap tidak lebih sebagai bahan bacaan, sedangkan ia merangkumi pelbagai bidang luas dan menyentuh aspek bahasa, budaya, bangsa dan perjuangan. Sekiranya dasar pendidikan negara tidak cukup kukuh, bagaimana untuk membantu perkembangan sastera?"

Abu Hassap Morad,
Novelis Julia



Kelemahan Dasar Pendidikan Negara yang tidak mewajibkan subjek Kesusastraan Melayu di sekolah menjadi hambatan kepada mahasiswa apabila melanjutkan pengajian di IPT. *Falsafah pendidikan negara perlu meletakkan sastera di tempat sewajarnya”*

Dr Kamariah Kamaruddin,
Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Moden dan Komunikasi UPM

Penambahbaikan terhadap kurikulum sastera di sekolah dan universiti amat diperlukan, tetapi pada masa sama mahasiswa atau pelajar juga perlu merancang masa depan mereka. Saya mahu melihat mahasiswa hari ini lebih bersifat merentas bidang”

Prof Madya Dr Mawar Shafei,
Ketua Program Persuratan Melayu UKM